

03/11/1997

Gelanggang membetul paradigma globalisasi

Mior Kamarul Shahid

HARI ini, 15 pemimpin negara membangun Kumpulan 15 (G-15) akan berbincang bagi menentukan masa depan 1.7 bilion rakyatnya. Dalam sidang kemuncak ketujuh G-15 ini, isu ekonomi, dipercayai akan menerajui perbincangan terutama melihat kepada kesan globalisasi di negara membangun hari ini. Isu ekonomi begitu penting dalam G-15 kerana di sinilah wujudnya ramai rakyat miskin. Melihatkan jumlah perdagangan yang begitu besar, membabitkan AS\$800 juta bilion tahun lalu, G-15 mempunyai alasan kukuh memberi penegasan kepada isu ekonomi. Yang pasti, jumlah itu boleh ditingkatkan menerusi kerjasama erat dan berkongsi kepentingan bersama.

Walaupun isu politik sering dibangkitkan dalam persidangan G-15, namun melihat kepada hubungan rapat yang terjalin di kalangan negara berkenaan, kita boleh mengandaikan G-15 tidak menghadapi sebarang masalah politik. Tidak ada satu isu pun yang boleh menjejaskan hubungan diplomatik antara negara dalam kumpulan itu. Jika ada pun hanyalah mengenai proses menambah keanggotaan. Sama ada kumpulan G-15 akan kekal dianggotai 15 negara membangun atau ditambah, mungkin diputuskan dalam mesyuarat kali ini. Disebabkan negara anggota G-15 turut dianggotai negara yang berbeza latar belakang dan ideologi, mungkin ada pandangan berbeza berhubung kemasukan anggota baru. Namun, daripada perkembangan semasa, kita tidak nampak keanggotaan G-15, tidak boleh ditambah. Semua ini kerana matlamat dan falsafah G-15 adalah jelas. Ia wujud hasil keyakinan dan kejayaan yang dibuktikan oleh G-15 dalam menjaga kepentingan rakyatnya. Falsafah memakmurkan negara miskin diterima sebagai teras untuk saling bergantung di antara satu dengan lain. Walaupun sebelum ini wujud kebimbangan mengenai masa depan G-15, terutamanya dari segi komitmen pemimpinnya, kebelakangan ini ada tanda baru menunjukkan perubahan corak pemikiran ini. Sidang kemuncak G-15, umpamanya pernah ditunda kerana tidak ramai pemimpin hadir.

Perubahan dalam G-15 ini wujud kesan kepada arus globalisasi apabila negara anggota dapat menilai faedah yang boleh dikongsi bersama. Dengan menerima pakai prinsip globalisasi, negara G-15 berinteraksi secara positif, berdagang secara berhemah demi memastikan tidak ada pihak yang rugi. G-15 menerima pakai falsafah sama-sama menang dalam memajukan negara masing-masing, yang ditolak oleh sesetengah negara maju yang hanya memikirkan keuntungan diri. Mereka sanggup melihat negara lain terus miskin, asalkan mereka senang. Dalam gelombang isu kesusutan nilai mata wang di negara tertentu, G-15 kali ini dianggap mempunyai isu menarik yang perlu diperjuangkan. Jika G-15 menganggapnya sebagai isu serius, tidak mustahil satu pendirian tegas akan diambil untuk membanteras kegiatan itu. Bagi negara yang belum mengalami kesannya, mungkin persidangan G-15 kali ini menjadi platform paling berguna untuk mempersiapkan diri bagi menghadapi sebarang kemungkinan. Malaysia dan Indonesia sudah menerima kesannya. Pengalaman dua negara itu boleh dikongsi bersama sebelum mereka terjebak dalam kancah yang sama.

Sebagai tuan rumah, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mempengerusikan sidang berkenaan. Dr Mahathir sudah pasti membangkitkan isu urus niaga mata wang. Cadangannya untuk mengawal pasaran daripada percaturan spekulator yang cuba mencuri hasil kekayaan negara miskin, pasti akan menjadi isu yang menarik dibincangkan.

Isu lain yang dijangka dibincangkan, termasuk:

* Cara meningkatkan dialog Utara-Selatan dan meminta negara maju

melaksanakan janji mereka kepada negara membangun dan yang mundur;

- * Peluang memasuki pasaran negara maju dan usaha untuk memberi kelonggaran kepada negara membangun dalam proses Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO);

- * Menimbang perakuan menteri-menteri ekonomi yang bermesyuarat buat kali pertama di Kuala Lumpur bagi menghalusi cadangan menggiatkan lagi perdagangan dan pelaburan sesama negara G-15. Menteri ekonomi mahukan penyertaan lebih banyak sektor swasta untuk merangsang perdagangan di kalangan negara G-15, yang meningkat daripada AS\$64 bilion pada 1995 kepada AS\$72 bilion tahun lalu;

- * Mencari kata sepakat untuk persidangan WTO di Geneva Mei tahun depan; dan

- * Mengkaji semula kekerapan pertemuan mereka kerana sejak 1990, sidang kemuncak belum pernah mencatat kehadiran yang penuh.

Namun, dalam keghairahan memakmurkan negara dan negara jiran, G-15 tidak boleh mengelakkan diri daripada isu spekulasi dan manipulasi mata wang asing. Ia sudah menjadi fenomena di kebanyakan negara. Isu ini juga dibangkitkan dalam setiap persidangan antarabangsa kebelakangan ini. Malaysia terpaksa menerajui isu ini kerana tidak ada negara lain yang benar-benar berani menyuarakannya kerana bimbang mereka akan menghadapi tekanan. Bagi Malaysia, perjuangan mengenainya bukanlah untuk kepentingan sendiri tetapi demi membetulkan kepincangan dalam pasaran hari ini. Ketika Ketua-Ketua Negara Komanwel (CHOGM) bersidang di Edinburgh, Scotland, minggu lalu, Dr Mahathir turut membangkitkan isu itu. Kebetulan ketika isu ini dibincangkan dalam pelbagai forum, bursa saham di Hong Kong, Eropah dan Amerika Syarikat jatuh mendadak. Keadaan ini menimbulkan keyakinan dan mengesahkan wujudkan 'permainan' pihak tertentu memanipulasi pasaran saham seterusnya menjadi punca kejatuhan nilai mata wang yang bukan saja membabitkan di pasaran Asia Tenggara, tetapi juga menular ke Eropah. Walaupun masih ada sesetengah negara menganggap keadaan pasaran ditentukan oleh kuasa pasaran, namun sudah ada tanda menunjukkan gelombang spekulasi pasaran begitu besar. Masalah yang lebih besar akan melanda negara membangun, termasuk negara G-15. Semua ini mendedahkan kegiatan yang tidak berlandaskan etika pasaran yang benar-benar mengambil kira kepentingan negara membangun dan miskin.

Semalam, sewaktu merasmikan Pameran Perdagangan G-15, Perdana Menteri menyentuh soal globalisasi dengan mengingatkan negara membangun supaya sedar mengenai risiko membuka pasaran mereka kepada negara maju sedangkan takrif sebenar globalisasi dan liberalisasi masih kabur. Hari ini, masih ada negara membuat takrifan sendiri mengenai pengertian globalisasi hingga menyebabkan mereka terperangkap dengan percaturan negara kaya. Bagi mereka globalisasi bermakna mereka terdedah kepada sebarang arus dunia tanpa sempadan tanpa memberikan hak untuk menentukan kepentingan sendiri. Memang kita berada dalam dunia yang terbuka, tetapi kita perlu pastikan kita juga mempunyai hak untuk membuat keputusan. Jika kita menganggap sesuatu yang tidak kena dalam proses memajukan negara, kita perlu membetulkannya. G-15 adalah antara kumpulan yang dianggap berkesan untuk menjadi model bagi membetulkan sebarang kepincangan. Walaupun, bukan semua negara G-15 menerima kesan kesusutan mata wang hari ini, tidak bermakna mereka bebas daripada masalah itu.